



## KENYATAAN MEDIA

### LEBIH 1,000 INDIVIDU DAPAT KERJA DAN 10 PERATUS JAWATAN KOSONG DALAM BIDANG BIOTEKNOLOGI ANTARA PENCAPAIAN DI KARNIVAL KERJAYA JAMIN KERJA KELUARGA MALAYSIA 2022 NEGERI MELAKA

**AYER KEROH, MELAKA** – Seramai **1,102** individu berjaya mendapat pekerjaan, manakala **3,988** yang lain mara ke saringan temu duga peringkat seterusnya menerusi **Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022** yang berlangsung dari **14 hingga 16 Oktober 2022** di **Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Melaka**.

Karnival yang dianjurkan oleh **Kerajaan Negeri Melaka** bersama **Kementerian Sumber Manusia** menerusi agensinya, **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** dan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** ini juga menyaksikan penglibatan seramai **42 majikan** daripada pelbagai sektor dengan tawaran sebanyak **5,500** peluang pekerjaan dari dalam dan luar negeri Melaka.

Selain sambutan yang menggalakkan dengan hampir **6,500** pengunjung hadir ke karnival ini, keistimewaan jelajah karnival pada kali ini juga memperlihatkan penglibatan aktif majikan dalam **sektor Bioteknologi** yang menawarkan hampir **10 peratus** peluang kerjaya daripada keseluruhan jawatan kosong di karnival **tiga (3)** hari tersebut. Majikan lain yang turut serta termasuk daripada sektor awam, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), perkilangan, kewangan, peruncitan dan kesihatan.

Selain itu, PERKESO turut mengadakan sesi **temu duga terbuka secara walk-in** pada **setiap minggu** di semua pejabat PERKESO di seluruh negara dan **secara harian** di beberapa pejabat PERKESO utama seperti Putrajaya bagi membantu Keluarga Malaysia memperoleh pekerjaan dengan mudah dan cepat.

Bagi menarik lebih ramai majikan untuk menyertai temu duga terbuka ini, PERKESO turut berbesar hati dan mengalu-alukan mereka yang mempunyai jawatan kosong untuk hadir di mana-mana Pejabat PERKESO Negeri dan menggunakan fasiliti yang disediakan secara **percuma** seperti tempat temu duga.

Di samping itu, para majikan juga disaran mendaftar dengan program **JaminKerja-Insentif Penggajian (JKIP)** iaitu inisiatif Kerajaan di bawah Bajet 2022 untuk memberi insentif kepada majikan yang membuat pengambilan pekerja kepada kepada golongan sasaran seperti penganggur, golongan rentan seperti orang kelainan upaya (OKU), bekas banduan, warga emas dan golongan wanita menganggur. Insentif khas juga disediakan kepada majikan dalam sektor pelancongan yang membuat pengambilan pekerja daripada golongan menganggur untuk sekurang-kurangnya dua bulan.

Menerusi JKIP, seramai **300,000** Keluarga Malaysia disasarkan untuk dibantu mendapat penempatan pekerjaan dengan peruntukan sebanyak **RM2 bilion**. Justeru, para majikan diseru untuk segera mendaftar demi memanfaatkan bantuan Kerajaan ini yang menawarkan insentif kewangan sehingga **RM42,000** untuk tempoh **12 bulan** bagi setiap pekerja baharu. Majikan boleh mendaftar di <https://jaminkerja.perkeso.gov.my> sebelum permohonan ditutup pada **31 Disember 2022** ini.

Untuk maklumat lanjut dan terkini berkaitan karnival kerjaya, sesi temu duga dan peluang-peluang pekerjaan baharu yang ditawarkan PERKESO, orang ramai **boleh merujuk laman media sosial rasmi PERKESO atau layari Portal MYFutureJobs [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my)**. Buat majikan yang berminat untuk menyertai sesi temu duga harian di Pejabat PERKESO Negeri pula boleh hubungi **nombor Careline PERKESO 1-300-22-8000** atau e-mel kepada [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:  
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat  
19 Oktober 2022**

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 dan Hamisah Hamid di talian +6019 – 3833 605.**